



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
Tajuk Projek CADANGAN UBAHSUAI DAN MENAIKTARAF BANGUNAN PLAZA PERANGSANG 26 TINGKAT TERMASUK 3 TINGKAT BAWAH TANAH PAKEJ – RENOVASI HOTEL ARAS 18 HINGGA 26B	CIDB: Gred G7 Kategori B Pengkhususan B04 & B07	Bahagian Perolehan, Tingkat 2, Blok D, Ibu Pejabat PKNS, No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor. Pada: 8 OGOS 2025 (JUMAAT) HINGGA 14 OGOS 2025 (KHAMIS) Jam: 9.00 pagi - 4.00 petang	21 OGOS 2025 (KHAMIS) Jam 12.00 tengah hari
Tajuk Projek PKNS/PPS/200-KON 5/2 (10)			

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender/syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah:-

- (i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
- (ii) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
- (iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001:2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender/tawaran)

2. Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:

- (i) Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya sebanyak **RM4,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Sahaja)**.
- (ii) Mempunyai pengalaman bagi kerja-kerja bangunan atau kerja-kerja sebanding.
- (iii) Status syarikat tidak disenarai hitam atau dikenakan Tindakan Tatatertib oleh CIDB Malaysia.
- (iv) Mempunyai sijil **SCORE CIDB** dengan minimum **3 Bintang** dan masih berkuatkuasa melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender.

3. Dokumen Tender akan dijual (**Pendrive Softcopy**) pada harga **RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja)** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Bayaran pembelian Dokumen Tender boleh dibuat seperti berikut:-

- (i) Melalui **Kad Debit** atau **Kad Kredit** di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan mendapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk membeli Dokumen Tender.

4. Naskhah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **8 Ogos 2025**.

5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK)** (sekiranya ada) serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli Dokumen Tender.

6. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.

7. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300
<http://etender.pkns.gov.my>

8. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.


JASLIZA BINTI JALAL
Penguas Perolehan
Bahagian Perolehan
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor